KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
PROGRAM KESELAMATAN DAN KUALITI MAKANAN

MINIT CERAIAN

No. Ruj. : KKM.500-2/1/19 JLD. 7 ( )

YBrs Ts. TKPK,

PERMOHONAN KELULUSAN PELAKSANAAN KURSUS KONSEP H.E.M.A.T DALAM BUDAYA KERJA DI PROGRAM KESELAMATAN DAN KUALITI MAKANAN, KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

1. TUJUAN

Minit ceraian ini bertujuan untuk mendapatkan pertimbangan dan keputusan YBrs. Ts. TKPK mengenai pelaksanaan Kursus Konsep H.E.M.A.T Dalam Budaya Kerja di Program Keselamatan & Kualiti Makanan (PKKM), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

2. PENGENALAN

2.1 YBhg. Dato' Sri Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam telah memperkenalkan nilai H.E.M.A.T yang sejajar dengan dasar Malaysia MADANI yang dipelopori YAB Perdana Menteri.

2.2 H.E.M.A.T merupakan akronim kepada:

(a) H: Hijrah Tatakelola - berani berhijrah menerusi kepekaan dengan tuntutan perubahan semasa, menjalankan tugas dengan rapi, cekap dalam pelaksanaan tugas dan mengamalkan komunikasi secara efisien.

(b) E: Empati Rakyat - Mendengar dan memahami permasalahan rakyat, sentiasa prihatin dan menyayangi rakyat serta menumpukan kepada pelaksanaan pelbagai inisiatif yang dapat memberikan kesejahteraan kepada rakyat.

(c) M: Minda Pekin - Sentiasa bersifat cermat dalam membelanjakan dana awam, sentiasa kreatif dan inovatif dalam memanfaatkan sumber-

CONTOH

sumber sedia ada, mempunyai minda “value for money” dan menjalankan tugas secara kerjasama strategik antara organisasi.

(d) A: Apresiasi Inovasi - Sentiasa menyokong dan menghargai perkembangan idea-idea baharu bagi memperkasakan perkhidmatan awam, meneroka pelbagai inisiatif baharu yang bersesuaian dengan kehendak semasa dan berusaha untuk memartabatkan inisiatif digital baharu yang efisien.

(e) T: Telus Tadbiran – Menyematkan nilai-nilai integriti dalam menjalankan tugas seharian, sentiasa membudayakan amalan semak dan imbang bagi melancarkan pelaksanaan tugas dan meraikan pandangan luar yang dapat memantapkan lagi kualiti kerja yang dijalankan.

2.3 Pelaksanaan H.E.M.A.T adalah berasaskan kepada tiga (3) prinsip iaitu “facilitate”, “accomodate” dan “accelerate” yang bertujuan untuk memudahkan urusan melibatkan “stakeholders” dan pelanggan, menyesuaikan cara kerja agar selari dengan agenda Kerajaan semasa dan menyegerakan segala keputusan Kerajaan agar inisiatif-inisiatif dapat sampai secara tepat dan dirasai rakyat.

3. OBJEKTIF

3.1. Objektif kursus ini adalah untuk:

i. Menerangkan prinsip asas H.E.M.A.T dalam perkhidmatan awam; dan

ii. Mengaplikasi prinsip dan konsep H.E.M.A.T dalam budaya kerja seharian untuk mencapai hala tuju organisasi.

4. PESERTA PROGRAM

Sasaran peserta untuk mengikuti kursus ini adalah seramai 35 orang anggota pelaksana yang bertugas di PKKM, KKM. Selain itu, seramai 5 orang pegawai daripada Unit Pengurusan akan bertugas sebagai urus setia di kursus tersebut.

5. CADANGAN PELAKSANAAN

5.1 Cadangan penganjuran kursus ini adalah seperti berikut:

i. Lokasi : Pusat Keselamatan Makanan Negara (NCFS), PKKM
ii. Tarikh : 6 – 8 Mei 2025 (Selasa - Khamis)
iii. Kos : RM11,060.00 seperti perincian di bawah

CONTOH

BIL	PERKARA	ANGGARAN KOS (RM)
i.	Pakej Makan Minuman Peserta & Urus setia & Panel Penceramah	
	RM38.00 x 40 orang x 3 hari	4,560.00
ii.	Sewaan Dewan & Bilik Bankuet	
	(Dewan Serbaguna NCFS)	-
iii.	Tuntutan Panel Penceramah/ Fasilitator	
	Modul/ Alat tulis/ Perkakasan bagi aktiviti Indoor/ Outdoor Dokumen bercetak/ Perkakasan mengajar Kos pengakutan (Penceramah/ Fasilitator)	6,000.00
	Saguhati 5 x Kumpulan	500.00
	JUMLAH KESELURUHAN	**11,060.00**

5.2 Tentatif atur cara kursus adalah seperti di **Lampiran A**.

5.3 Panel penceramah yang akan dijemput untuk mengendalikan kursus ini adalah Encik Firdaus bin Ridwan. Beliau bertugas di Cawangan Pengurusan Latihan Hospital Kuala Lumpur dan merupakan penceramah untuk pelbagai program berkaitan budaya kerja anjuran sektor awam dan swasta.

6. JUSTIFIKASI PERTIMBANGAN PERMOHONAN PENGANJURAN KURSUS

Kursus ini dilaksanakan bertujuan untuk menerapkan dan menggalakkan pegawai mengaplikasi budaya H.E.M.A.T dalam kerja seharian bagi memastikan kualiti dan kecemerlangan perkhidmatan awam yang disampaikan.

7. PENUTUP

Dengan hormatnya dikemukakan cadangan pelaksanaan Kursus Konsep H.E.M.A.T Dalam Budaya Kerja di Bahagian Pembangunan, KKM dengan anggaran kos berjumlah RM11,060.00 untuk pertimbangan dan keputusan YBrs. Ts. TKPK jua.

Sekian, terima kasih.

.....
(FAIZDHURA NATASYA BINTI KAMARULZAMAN)
Penolong Pegawai Tadbir
Unit Pengurusan, Program Keselamatan & Kualiti Makanan KKM
Tarikh: Januari 2025

CONTOH

PERMOHONAN KELULUSAN PELAKSANAAN KURSUS KONSEP H.E.M.A.T DALAM BUDAYA KERJA DI PROGRAM KESELAMATAN DAN KUALITI MAKANAN, KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

KEPUTUSAN

Disokong / Tidak Disokong

_____

_____

_____

.....
(PUAN NORHIDAYAH BINTI OTHMAN)
Ketua Penolong Pengarah/Penyelia Pengurusan
Program Keselamatan & Kualiti Makanan
Kementerian Kesihatan Malaysia
Tarikh:

KEPUTUSAN

Diluluskan / Tidak Diluluskan

_____

_____

_____

.....
(Ts. NORRANI BINTI EKSAN)
Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan Program Keselamatan & Kualiti Makanan
Kementerian Kesihatan Malaysia
Tarikh:

CONTOH

LAMPIRAN A

KURSUS KONSEP H.E.M.A.T DALAM BUDAYA KERJA DI PROGRAM KESELAMATAN DAN KUALITI MAKANAN, KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

TENTATIF KURSUS

MASA	PROGRAM
6 MEI 2025 (SELASA)	
8.30 pagi	Pendaftaran Kursus / Minum pagi
9.00 pagi – 9.30 pagi	Majlis Perasmian / Taklimat Kursus
9.30 pagi – 11.00 pagi	Sesi Latihan Dalam Kumpulan 1
11.00 pagi – 1.00 tengah hari	Sesi Latihan Dalam Kumpulan 1 (Sambungan)
1.00 tengah hari – 2.30 petang	Rehat / Makan Tengah hari
2.30 petang – 4.30 petang	Sesi Latihan Dalam Kumpulan 2
4.30 petang	Minum petang / Bersurai
7 MEI 2025 (RABU)	
8.30 pagi	Minum pagi
9.00 pagi – 9.30 pagi	Taklimat Kursus
9.30 pagi – 11.00 pagi	Sesi Latihan Dalam Kumpulan 3
11.00 pagi – 1.00 tengah hari	Sesi Latihan Dalam Kumpulan 3 (Sambungan)
1.00 tengah hari – 2.30 petang	Rehat / Makan Tengah hari
2.30 petang - 4.30 petang	Sesi Latihan Dalam Kumpulan 4
4.30 petang	Minum petang / Bersurai
8 MEI 2025 (KHAMIS)	
8.30 pagi	Minum pagi
9.00 pagi – 11.00 pagi	Sesi Latihan Dalam Kumpulan 5
11.00 pagi – 1.00 tengah hari	Sesi Latihan Dalam Kumpulan 5 (Sambungan)
1.00 tengah hari – 2.30 petang	Rehat / Makan Tengah hari
2.30 petang - 4.30 petang	Sesi Latihan Dalam Kumpulan 6
4.30 petang	Minum petang / Bersurai

CONTOH

LAMPIRAN B

KURSUS KONSEP H.E.M.A.T DALAM BUDAYA KERJA DI PROGRAM KESELAMATAN DAN KUALITI MAKANAN, KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SENARAI PESERTA

BIL.	NAMA PEGAWAI	JAWATAN/GRED
1.	Puan Siti Noorhafzan binti Mohd Zaki	Penolong Pegawai Tadbir Kanan N6
2.	Puan Nurizawati binti Mahmood	Penolong Akauntan W5
3.	Puan Anita binti Yahaya	Pen Peg Tadbir (Tinggi) N36 (KUP)
4.	Puan Saliza binti Md Saad	Penolong Pegawai Tadbir N5
5.	Noor Fadzleena binti Md Zain	Penolong Pegawai Tadbir N5
6.	Puan Hasnita binti Mat Zan	Pen. Peg. Tek. Maklumat F6 (KUP)
7.	Puan Bushra binti Hassan	Pembantu Tadbir Kanan N2
8.	Cik Fardilah binti Mohd Basri	Setiausaha Pejabat N6 (TBK)
9.	Puan Haniza Ayu binti Ahmad	Setiausaha Pejabat N6 (TBK)
10.	Puan Nurrul Sazlin binti Mohd Shah	Setiausaha Pejabat N6 (TBK)
11.	Puan Norkhairunnnisa binti Mohd Nor	Setiausaha Pejabat N6 (TBK)
12.	Encik Mohd Khairun Muzammil bin Muhliden	Pembantu Tadbir (Kewangan) W2 (TBK)
13.	Puan Saleha binti Ismail	Pembantu Tadbir N2 (TBK)
14.	Puan Maznah binti Mat Isa	Pembantu Tadbir N2 (TBK)
15.	Noor Haszlina binti Rahmad	Pembantu Tadbir N2 (TBK)
16.	Puan Arsaliza binti Che Ariff	Pembantu Tadbir N2 (KUP)
17.	Puan Norashikin binti Ismail	Pembantu Tadbir N2 (TBK)
18.	Puan Nurul Atiqah binti Lokman	Pembantu Tadbir N2 (TBK)
19.	Puan Najilah Syarwa binti Mohd Zaidan	Pembantu Tadbir N2 (TBK)
20.	Puan Pushpa Valli A/P Nadarajah	Pembantu Tadbir N2 (KUP)
21.	Puan Fazurhana binti Ahmad	Pembantu Tadbir N2 (TBK)
22.	Mimie Aryani binti Roslan	Pembantu Tadbir N2 (TBK)
23.	Puan Siti Baydah binti Mohd Noh	Pembantu Tadbir N2 (TBK)

CONTOH

BIL.	NAMA PEGAWAI	JAWATAN/GRED
24.	Encik Ahmad Faisal bin Mustapa	Pembantu Tadbir N2 (TBK)
25.	Puan Suriah binti Yusuf	Pembantu Tadbir N1
26.	Puan Suhaini binti Ibrahim	Pembantu Tadbir N1
27.	Puan Fazilah Alawiyah bt Abdul Rahim	Pembantu Tadbir N2 (KUP)
28.	Cik Raja Syaharizan binti Raja Shah Malik	Pembantu Setiausaha Pejabat N1
29.	Puan Nur Farahain binti Ahmad Baharin	Pembantu Setiausaha Pejabat N1
30.	Puan Hasnida binti Abd Wahid	Pembantu Tadbir (Kewangan) W1
31.	Puan Nor Adriyati binti Musbah	Pembantu Tadbir (P/O) N1
32.	Puan Suhana binti Ahmad	Pembantu Tadbir/ N1
33.	Encik Md Nuruddin bin Nawawi	Pembantu Tadbir (P/O) N1
34.	Encik Mohammad Noor Hafiz bin Abdullah	Pembantu Khidmat Am H2 (M)
35.	Encik Ridzuan bin Mohamed Sari	Pembantu Khidmat Am H1
URUSETIA		
36.	Puan Faizdhura Natasya binti Kamarulzaman	Pen. Peg. Tadbir N5
37.	Puan Nurfarahana binti Amran	MyStep Pen. Peg Tadbir
38.	Puan Melissa Mer binti Amanullah Khan	Pembantu Tadbir (P/O) N1
39.	Puan Rosnadhirah binti Othman	Pembantu Tadbir (P/O) N2 (KUP)
40.	Cik Nor Idayu binti Bidin	Pembantu Tadbir N1
PENCERAMAH		
41.	Encik Firdaus bin Ridwan	Penceramah
42.	Encik Eddy bin Zuhdi	Fasilitator

CONTOH